

# PKPP perkenal Karnival Inovasi

ia sebagai usaha memupuk budaya reka cipta mahasiswa UMS

Oleh Yap Siong Han  
UB 19.10.2021 P. 04

**KOTA KINABALU:** Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperkenalkan Karnival Inovasi bermula semester ini sebagai usaha memupuk budaya reka cipta dalam kalangan mahasiswa.

Pengarah PKPP Dr. Jurry Foo berkata, ia sebagai komponen baharu pengajaran dan pembelajaran (PdP) tambahan untuk kursus kokurikulum berkredit sejajar gaya hidup lestari yang menuntut masyarakat bertindak proaktif menghasilkan inovasi yang realistik pada masa kini.

“Karnival yang julung kalinya diadakan ini akan dilaksanakan secara dalam talian melibatkan ketiga-tiga kampus UMS, iaitu Kampus Kota Kinabalu, Kampus Antarabangsa Labuan dan Fakulti Pertanian Lestari, Sandakan.

“Sebagai permulaan, ia akan diadakan pada minggu ketiga sesi pengkuliahan dengan menampilkan



DR. JURRY

konsep ‘satu kursus satu inovasi’. Ia juga melibatkan mahasiswa Pusat Luar Kampus UMS (PLUMS),” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam. Menurutnya, inovasi yang dihasilkan mahasiswa adalah bertemakan inovasi mudah dan realistik.

“Ia dalam bentuk produk untuk membantu menyelesaikan masalah dan meningkatkan kualiti hidup. Maksudnya, inovasi tersebut adalah sesuatu ciptaan

ringkas yang boleh menyelesaikan masalah, mesra pengguna, wajar, logik dan boleh digunakan.

“Hasil inovasi mahasiswa akan dinilai oleh panel penilai yang berpengalaman dan akan dianugerahkan Anugerah Emas, Anugerah Perak dan Anugerah Gangsa mengikut kriteria,” katanya.

Ujar Jurry, pensyarah dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Dr. Sharifah Rahama Amirul akan menjadi Ketua Penyeclaras bagi karnival ini.

“Beliau yang juga Penyeclaras Komponen Sukan, Kepimpinan dan Badan Beruniform PKPP mempunyai pengalaman yang luas sebagai pemenang dan juri beberapa pertandingan inovasi.

“Manakala, modul untuk karnival tersebut diselenggarakan bersama oleh dua Timbalan Pengarah PKPP, Dr. Colonius Atang dan Profesor Madya Dr. Pathmanathan K. Suppiah,” katanya.

Sebagai tanda galakan pembudayaan inovasi, be-

liau selaku pengarah PKPP akan menaja RM500 sebagai hadiah utama iaitu Anugerah Inovasi Khas Pengarah PKPP, dan RM100 untuk jurulatih yang membimbing mahasiswa memenangi hadiah utama.

“Bagaimanapun PKPP amat berbesar hati sekiranya ada daripada kalangan organisasi atau orang perseorangan yang turut ingin memberikan tajaan sebagai tanda sokongan kepada mahasiswa dan pembudayaan inovasi.

“Hasil ciptaan yang berkualiti akan dipertimbangkan untuk menyertai pertandingan di peringkat lebih tinggi.

“PKPP yakin, pembaharuan dalam PdP ini adalah bersesuaian dengan generasi muda kini iaitu golongan yang telah dilatih Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

“Daripada maklum balas yang kita terima melalui jurulatih kursus kokurikulum berkredit semester ini, mahasiswa menunjukkan minat yang tinggi dan sudah tidak sabar menghasilkan idea masing-masing,” katanya lagi.